

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Semua perniagaan patut lapor kepelbagaian pekerja

Semua perniagaan patut lapor kepelbagaian pekerja

Langkah bantu Bumiputera lebih berdaya saing, tingkat tenaga kerja mahir

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Alzahri Alias dan Mohd Nasaruddin Parri
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Semua perniagaan terutama syarikat tersenarai awam dicadang melaporkan kepelbagaian tenaga kerja merangkumi lembaga pengarah, penguasaan dan eksekutif.

Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata cadangan itu akan membolehkan syarikat dikehendaki memberi pendedahan mengenai jantina, etnik dan generasi sebagai sebahagian daripada pelaporan kecambah mereka dan bukan pendedahan sukarela.

Beliau berkata, langkah itu membantu Bumiputera lebih berdaya saing, sekali gus meningkatkan kapasiti pendapatan serta peratusan tenaga kerja mahir.

Katanya, pendedahan kepelbagaian, ekuiti dan kerangkuman (DEI) mandatori juga adalah galakan kepada syarikat Malaysia untuk menggaji lebih ramai Bumiputera kerana tenaga kerja

yang pelbagai boleh menarik lebih banyak pelaburan.

Abdul Wahid berkata, jika firma Malaysia tidak menunjukkan daya kemampuan dan kerangkuman akan menjejaskan minat pelabur asing ke dalam syarikat tempatan.

"Apabila DEI dibuat syarikat tersenarai awam ini, ia akan mendorong majikan mengambil lebih ramai Bumiputera dalam korporat.

"Sebenarnya DEI ini satu cadangan bagi meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera. Sasaran utama ditetapkan beberapa dekad lalu tetapi masih belum dapat dicapai.

"Tetapi ia tidak seharusnya menjadi satu kewajipan kepada syarikat swasta mengambil tenaga kerja Bumiputera.

"Kita hanya mahu mereka mendedahkan laporan DEI kerana secara tidak langsung membaikkan satu kesedaran dalam ekosistem tenaga kerja mereka," katanya pada pembentangan Penguasaan Korporat dan Penciptaan Kekayaan sempena Kongres

Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) di sini, semalam.

Dasar Peluang Saksama

Abdul Wahid berkata, kerajaan perlu mempertimbang langkah memperkenalkan Dasar Peluang Saksama bagi memastikan semua rakyat, terutama Bumiputera diberi peluang mendapat peluang pekerjaan dan perniagaan yang saksama.

Beliau berkata, cadangan itu wajar diangkat kerana penciptaan kekayaan dan penguasaan korporat dalam kalangan Bumiputera masih rendah, berbanding bukan Bumiputera.

Katanya, Dasar Peluang Saksama jika dilaksanakan mampu membolehkan persaingan lebih

baik dalam perniagaan korporat dan pekerjaan atau pendapatan yang ketika ini peratusannya tidak seimbang.

Beliau berkata, selepas enam dekad dasar pemerataan Bumiputera, terdapat beberapa pencapaian baik terutama dalam peningkatan golongan profesional.

"Pencapaian Bumiputera dari segi pendapatan dan upah masih rendah. Pendapatan isi rumah median Bumiputera 29 peratus lebih rendah berbanding isi rumah Cina.

"Median upah pekerja formal Bumiputera adalah 45 peratus lebih rendah berbanding median upah pekerja Cina.

"Penguasaan korporat dalam syarikat tersenarai awam juga masih kecil," katanya.



Abdul Wahid pada pembentangan Penguasaan Korporat dan Penciptaan Kekayaan sempena KEB2024 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)